

CNS2936

U GB 16-09 00177 BB350

Bah

MAHATHIR MAHU RAKYAT TINGKAT KEFAHAMAN TADBIR NEGARA

Mahathir - Tadbir

TAWAU, 16 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meminta rakyat mengisi kemerdekaan yang dinikmati selama ini dengan meningkatkan pemahaman mentadbirkan negara.

Beliau berkata rakyat Malaysia juga perlu tahu corak politik yang sesuai dengan negara yang berbilang bangsa ini.

+Dunia akan menghina kita kalau kita tidak tahu mentadbir negara sendiri dengan betul,+ katanya pada majlis jamuan malam bersama-sama pemimpin Barisan Nasional (BN) anjuran Pergerakan Pemuda BN di Dewan Masyarakat Tawau di sini.

Dr Mahathir berkata, jika rakyat Malaysia tidak mahu dihina lagi seperti yang berlaku pada zaman penjajah, mereka mesti tentukan yang mereka telah berjaya mentadbir negara ini dengan betul.

+Syukurlah setakat ini kita sudah berjaya melaksanakan cabaran itu dan berjaya pula membentuk satu negara aman dan maju meskipun rakyatnya berbilang bangsa,+ katanya.

Dr Mahathir, yang juga Pengerusi BN, berkata rakyat Malaysia kini sudah boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara maju lain. --  
Lagi

▼16/09/22-50MST

U GB 16-09 00174 BB351

Bah

Mahathir - Tadbir 2 (Akhir) Tawau

Beliau mengingatkan rakyat supaya jangan berehat sebelum sampai masanya.

Katanya, matlamat Wawasan 2020 adalah untuk menjadikan rakyat Malaysia sebagai bangsa yang bertamadun tinggi dan memerlukan usaha keras yang berterusan daripada segenap lapisan masyarakat.

Dr Mahathir juga mahu rakyat mengubah sikap mereka yang cepat marah terhadap perkara-perkara kecil.

+Kita ini kadang kala cepat marah bila ada kesilapan kecil sedangkan kita patut bersyukur dengan kemakmuran dan kesenangan hidup yang dinikmati berbanding dengan rakyat negara lain, yang tidak putus didatangi malapetaka,+ katanya.

Terdahulu, Pengerusi Pergerakan Pemuda BN Datuk Seri Najib Tun Razak mengulangi ikrar pergerakan itu untuk terus berusaha bagi mengembalikan semula pemerintahan kerajaan negeri Sabah kepada BN.

Yang turut hadir ialah isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Ketua Perhubungan Umno Sabah Tun Mustapha Datu Harun, Setiausaha Agung Umno Datuk Mohamed Rahmat, Presiden AKAR Datuk Mark Koding dan Ketua Pemuda Parti Bumiputera Bersatu (PBB) Sarawak Datuk Celestine Ujang. -- Bernama